

**Bil. 1**

**Jumaat  
23 Jun 2017**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KHAS**

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KHAS  
Jumaat, 23 Jun 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

**LANTIKAN SEMULA**

1. Yang Berhormat Senator Dato' Sri SA. Vigneswaran

*[Upacara Mengangkat Sumpah Tamat]*

**PELANTIKAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan, dan peruntukan Peraturan Mesyuarat 1, Majlis Mesyuarat Dewan Negara akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah menerima hanya satu cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekarang, dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan cadangan Usul Memilih Tuan Yang di-Pertua.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya mengemukakan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencadangkan bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Sri SA. Vigneswaran dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan mengikut Peraturan Mesyuarat 2(1), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Dato' Sri SA. Vigneswaran dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara... *[Tepuk]*

*[Tuan Yang di-Pertua (Dato' Sri SA. Vigneswaran) dipakaikan jubah oleh Setiausaha Dewan Negara]*

*[Tuan Yang di-Pertua berjalan menuju ke Kerusi] [Tepuk]*

*[Semua Ahli Yang Berhormat bangun]*

## **TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya, SA. Vigneswaran setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara adalah dengan ini berikrar dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur, dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya.

*[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]*

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

### UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat pagi dan salam negaraku Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa, dan merafak sembah menjunjung kasih ke atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas pelantikan saya sebagai Senator bagi Penggal Yang Kedua di Dewan Negara yang mulia ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak atas usul beliau mencadangkan sambungan pelantikan saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam Menteri Kesihatan dan Presiden *Malaysian Indian Congress* kerana bersama-sama menyokong pelantikan semula saya.

Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa, Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Kedua-dua konsep tersebut sentiasa menjadi pegangan kita rakyat Malaysia sejak kemerdekaan dan wajar terus dipertahankan buat selama-lamanya. Dalam konteks tersebut, saya dengan setulus hati menerima tanggungjawab sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara serta berikrar akan mempertahankan lunas-lunas demokrasi berparlimen serta Raja Berperlembagaan dengan menjalankan amanah yang mulia dan murni ini.

Saya mengharapkan kerjasama yang berterusan daripada setiap Ahli Dewan sejajar dengan tanggungjawab yang dipikul oleh Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara, sehaluan dengan prinsip demokrasi serta aspirasi rakyat sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara dan Piagam Rukun Negara. Akhir sekali, bersempena dengan bulan Syawal yang menjelang tiba pada 25 Jun ini, ingin saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua Ahli Yang Berhormat dan warga Parlimen yang beragama Islam. Sekian terima kasih... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.14 pagi]***